

Rayu dana **RM112.2** juta

Metro 30/11/12 M.S.L.

Serangan Zionis sejak 14 November lalu akibatkan kemusnahan teruk ratusan kediaman penduduk Gaza

DARI PENJARA TERBUKA



← Laporan
Jamilul Ambia
Md Denin

Foto ▶
Azhar
Mat Ganti

GAZA: Kerajaan Palestin di Semenanjung Gaza merayu bantuan dana segera AS\$37.4 juta (RM112.2 juta) dari negara yang prihatin terutama Malaysia, bagi membantu rakyatnya yang kini menderita akibat serangan roket tentera Zionis bermula 14 November lalu.

Menteri Perhubungan Sosial dan Pekerjaan Palestin, Ahmed Alkurd yang ditemui wartawan Harian Metro di sini, semalam berkata, serangan tentera Yahudi itu mengakibatkan kemusnahan teruk ratusan kediaman penduduk di Semenanjung



PENERANGAN...Ahmed menjelaskan peruntukan dana perlu disalurkan kepada penduduk Gaza kepada wartawan Harian Metro.

Gaza.

Menurutnya, hujan roket serta peluru berpandu kapal laut, pesawat F-16 dan dron dilepaskan tentera Israel se-

olah-olah mempunyai dua tujuan iaitu membunuh rakyat Gaza dan sekali gus memastikan mangsa merempat tanpa tempat tinggal.

“Berdasar perangkaan awal, kira-kira 800 penduduk Gaza kini hilang tempat tinggal selepas kediaman mereka musnah sama sekali akibat dibedil

roket Israel. Mereka kini tidak ubah seperti pelarian.

“Selain itu kira-kira 8,000 rumah lagi mengalami kemusnahan sederhana namun memerlukan bantuan kewangan bagi membaik pulih kerosakan dialami,” katanya.

Ahmed berkata, kekurangan dana dan bantuan antarabangsa menyebabkan kerajaan Palestin gagal memberi bantuan segera kepada mangsa yang kini menghidu khamah sementara atau di celah runtuh rumah mereka.

“Tanpa keperluan asas seperti elektrik dan air, kehidupan amat menyeksakan, tambahan ketika ini musim sejuk dengan suhu kira-kira 15 darjah celsius kini,” katanya.

Menurutnya, bantuan kewangan dari negara luar terutama Malaysia diakuinya sentiasa prihatin dengan penderitaan rakyat Palestin turut diperlukan bagi membantu

kira-kira 1,300 penduduk mengalami kecacatan kekal atau cedera parah akibat serangan lapan hari itu.

“Saya bersyukur dan terharu atas keprihatinan luar biasa ditunjukkan rakyat di Malaysia yang sentiasa menghulurkan bantuan kepada rakyat Palestin di Gaza.

“Kesediaan pelbagai pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Malaysia termasuk Muslim Care dalam memberikan bantuan berterusan kepada rakyat Gaza sejak tiga tahun lalu, membuktikan kesungguhan rakyat Malaysia membantu penduduk Gaza,” katanya.

Ahmed juga menyatakan rasa syukur kerana rakyat Gaza kini tidak lagi berperang bersendirian kerana mereka turut dibantu ‘saudara’ dari Malaysia, Turki, Indonesia dan Mesir yang sentiasa menghulurkan sumbangan tanpa diminta.



PARAH...Abdul Mohamad cedera parah di perut akibat tembakan dari jarak dekat.

PUTUS KAKI...Abdul Malek terlantar di Hospital Khan Younis akibat tembakan roket Drone.

GAZA: "Saya tidak ingat apa yang berlaku sejurus peluru raifal itu menembusi perut. Saya hanya sempat mengucap dua kalimah syahadah sebelum tidak sedarkan diri.

"Saya sangka ajal sudah sampai dan tak sangka masih hidup," kata Abdul Mohamad Isme, 27, seorang daripada ribuan rakyat Palestin yang menjadi mangsa keganasan rejim Israel sepanjang bedilan roket selama lapan hari bermula 14 November lalu.

Dia yang ditemui di Hospital Khan Younis, di sini, semalam berkata dia ditembak tentera Israel ketika sedang berada di ladang pokok Zaitun miliknya di Alkara pada 20 November lalu.

Menurutnya, sekumpulan tentera Zionis tiba-tiba muncul sebelum mengacukan raifal dan senjata berat ke arahnya dari jarak dekat.

Abdul Mohamed berkata, dia hanya tersedar selepas

'Sangka ajal sudah sampai'

dibawa ke hospital untuk menerima rawatan dan terpaksa menjalani pembedahan bagi merawat perut hingga belakang tubuhnya yang ditembusi peluru.

"Saiz peluru digunakan amat luar biasa dan saya kini tidak mampu menggerakkan tubuh kecuali tangan," katanya dalam keadaan menderita kesakitan.

Menurutnya, tindakan keji tentera Zionis itu bertujuan menakut-nakutkan golongan petani dan menghalau penduduk Gaza dari tanah ladang dimiliki selama ini.

"Tapi, jangan fikir saya akan mengalah. Tanah ini milik kami dan saya tetap akan kembali ke situ jika diizinkan Allah SWT sembah kelak," katanya.

Serangan menggila tentera

Terpaksa tempuh 18 sekatan

DOA dan harapan melangit saya dan jurugambar, Azhar Mat Ganti untuk melepasi sekatan di pintu sempadan Rafah-Gaza akhirnya dimakbulkan Tuhan tepat jam 3.39 petang waktu tempatan kelmarin.

Usaha dan halangan dihadapi silih berganti sejak Jumaat lalu tidak sekelumit mematahkan semangat kami untuk cuba memasuki bandar Gaza bersama tiga wakil

Zionis selama lebih seminggu itu menyebabkan ratusan mangsa kini terlantar di katil hospital dan ramai juga yang mengalami kecacatan kekal.

persatuan Muslim Care Malaysia.

Untuk sampai ke garisan 'penamat' di Tebing Gaza ini, kami melepasi satu persatu 18 sekatan di pos kawalan serta pemeriksaan tentera Mesir di sepanjang laluan antara Kaherah ke sempadan Rafah.

Jelangan tajam tanpa sedikit pun menunjukkan riak senyuman di wajah pegawai tentera bertugas menyebabkan

Kebanyakannya membabitkan golongan kanak-kanak dan belia yang dirawat di Hospital Khan Younis dan Hospital Al Sifa' di sini, akibat

kami hanya diam kaget serta berdoa dalam hati memohon perjalanan ini dipermudahkan.

Rata-rata pos pemeriksaan meletakkan sejumlah tentera beruniform lengkap dengan raifal dan dua kereta kebal yang dihalakan muncung meriamnya ke arah Rafah.

Kegembiraan menjejakkan kaki ke bumi suci Gaza segera dizahirkan dengan melakukan sujud syukur sambil menadahkan tangan ke hadrat Illahi.

putus kaki atau lumpuh selepas terkena letupan roket dan tembakan senjata berat.

Seorang mangsa dirawat di Hospital Khan Younis, Abdul

Malek Abu Syamil, 26, putus kaki kanan akibat ditembak roket disasarkan pesawat tanpa juruterbang dikenali sebagai Drone milik Zionis.

Dalam kejadian 17 November lalu, pesawat Drone yang terbang di ruang angkasa Gaza bertindak melepaskan roket ke arahnya yang sedang menunggang motosikal untuk pulang ke rumah.

"Dalam sekelip mata ledakan kuat berlaku sebelum motosikal ditunggang berkecai. Saya turut terpelanting sebelum mendapati kaki kanan hancur dan putus.

"Malah tulang tangan dan kaki kiri saya turut patah remuk. Saya cuba bangkit namun gagal dan jatuh penganakibat terlalu sakit," katanya.

Menurutnya, tindakan gila tentera Israel menggunakan pesawat Drone untuk menyerang orang awam di Gaza adalah taktik pengecut dan tidak berperikemanusiaan.